

INTEGRASI ORANG BAWEAN DALAM PENGGUNAAN BAHASA KE ARAH MEMBINA BANGSA MALAYSIA

(Integration of Bawean Peoples on Using Language Towards Nation-Building of Malaysia)

Muhammad Ridhwan Sarifin, Mohamad Fauzi Sukimi & Azlina Abdullah

ABSTRAK

Setiap masyarakat memerlukan bahasa untuk berkomunikasi. Bahasa juga menjadi identiti sesebuah bangsa sebagai ciri utama pembinaan negara-bangsa. Dengan bahasa, masyarakat boleh menjalankan aktiviti seharian. Kertas kerja ini pertamanya bertujuan untuk membincangkan sejauh mana bahasa Bawean digunakan oleh orang Bawean dalam kehidupan seharian. Kedua, untuk membincangkan penggunaan bahasa Bawean dalam kalangan orang Bawean antara generasi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Seramai tujuh orang dari 11 orang informan dipilih. Kajian dijalankan di penempatan orang Bawean di Kampung Sungai Tiram dalam daerah Johor Bahru. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan Bahasa Bawean digunakan untuk urusan seharian sesama orang Bawean sewaktu berkomunikasi. Jika berbeza sub etnik. Bahasa Melayu menjadi bahasa dominan untuk berkomunikasi dengan etnik yang berbeza. Dari segi antara generasi pula, tiada perbezaan ketara penggunaan Bahasa Bawean. Secara kesimpulannya, dari segi penghayatan nasional, etnik Bawean juga cenderung ke arah positif dalam pembinaan bangsa Malaysia dari segi bahasa.

Kata kunci: Integrasi Bahasa, masyarakat Bawean, identiti, pembinaan bangsa

ABSTRACT

Every society requires a language to communicate. Language is, indeed, the identity of a nation and serves as the main criterion of nation-building. Through language, society is able to carry out its daily activities. This paper aims, first, to discuss the extent to which the Bawean language is used by the Bawean people in their daily lives. Secondly, it also aims to discuss the intergenerational use of Bawean language among the Bawean people. The study uses qualitative methods. A total of seven people from 11 informants were selected. This was conducted at the settlement of the Bawean people in Kampung Sungai Tiram within the district of Johor Bahru. The findings show that Bawean Language is used, as a means of communication, for their everyday affairs. Meanwhile, with different subethnics, Malay language has become the dominant language to communicate among themselves. In terms of inter-generation, there is no significant difference in the use of Bawean Language. As a conclusion, with regard to national *imagination*, the Baweanese tends to contribute positively, in terms of language, to the development of Malaysian nation-building.

Keywords: Integration of Language, Bawean, identity, nation-building

PENDAHULUAN

Dalam beberapa dekad, pengkaji sejarah, sosiologi dan politik telah mewacanakan bahawa kewujudan bahasa kebangsaan adalah asas utama ideologi pembinaan bangsa dibentuk ke atas masyarakat sesebuah negara. Bahasa kebangsaan juga menunjukkan bahawa masyarakat dibentuk berdasarkan keberhasilan ideologi pembinaan negara-bangsa (Joseph 2004). Secara idealnya, sesebuah negara-bangsa hanya akan dapat dibina di sesebuah negara apabila ia dapat memenuhi syarat-syarat yang diperlukan. Terdapat tiga syarat yang dihubungkan dengan pembentukan sebuah negara-bangsa yang dinyatakan oleh Zuhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani (2003). Pertama, kehidupan masyarakat dalam negara tersebut adalah bersatu padu tanpa berlaku sebarang pemisahan ataupun diskriminasi dalam masyarakat yang tinggal di situ. Masyarakat yang terdapat dalam negara tersebut tidak dipisahkan ataupun dibezakan atas dasar perkauman ataupun oleh sebab-sebab perbezaan kepercayaan, bahasa, kebudayaan dan rangsangan yang boleh membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. Penduduk dalam negara itu juga pada masa yang sama dapat menerima hakikat kehidupan bersama kaum lain dalam masyarakat majmuk. Mereka perlu menerima nilai-nilai kebangsaan yang sama untuk dikongsi bagi mengikat semua orang dalam satu kumpulan atau satu bangsa yang satu. Nilai-nilai kebangsaan itu boleh sahaja datang dalam pelbagai bentuk seperti bendera kebangsaan iaitu Jalur Gemilang, lagu kebangsaan juga dasar-dasar kerajaan.

Kesemua nilai yang sama dan diwujudkan kerajaan itu adalah sebagai suatu nilai kebangsaan bagi keseluruhan masyarakat supaya dikenali sebagai bangsa Malaysia. Kedua, penduduk negara itu juga mestilah berkongsi pegangan kepada suatu ideologi politik yang sama. Ketiadaan perbezaan ideologi politik tidak akan wujud kegawatan politik yang boleh menggugat keadaan negara kerana semua pihak sudah bersetuju menerima dan mempunyai matlamat politik yang sama iaitu demokrasi. Ketiga, penduduk dalam negara haruslah mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang sepenuhnya terhadap sistem pemerintahan dan undang-undang negara. Ini dilakukan dengan menghormati dan mematuhi undang-undang diwujudkan tanpa meragui kebenarannya. Ia juga berkemampuan melindungi dan memberikan keadilan kepada keseluruhan masyarakat (Zuhilmi Paidi & Rohani Abdul Ghani 2003).

Pembinaan negara-bangsa perlu diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan supaya apa yang direncanakan dapat menjadi realiti sebagaimana idealnya pembinaan negara-bangsa. Hague, R. & Harrop, M. (1992) telah menggariskan beberapa proses pembinaan negara-bangsa iaitu pertama; Bina Negara atau State Building, kedua, Bina Bangsa atau Nation Building, ketiga; Penyertaan Rakyat atau akhir sekali keempat; Pengagihan Nilai-Nilai dalam Masyarakat. Proses pertama iaitu proses pembinaan negara bagi sesebuah negara adalah tidak sama antara satu dengan yang lain. Proses yang berlaku ini pada kebiasaannya dipengaruhi oleh keadaan persekitaran. Persekitaran yang dimaksudkan ialah setengah negara pernah menjadi tanah jajahan manakala sesetengah negara pula adalah negara merdeka sejak awal penubuhannya.

Oleh yang demikian pencapaian tahap yang terjadi selalunya berbeza antara negara. Proses kedua Bina Bangsa bagi merapatkan hubungan kaum yang ada bagi membentuk bangsa yang satu. Perlakuan dalam hubungan lemah ini menggambarkan ciri-ciri masyarakat yang dipanggil sebagai masyarakat majmuk. Proses pembinaan ketiga negara-bangsa perlu kepada keseluruhan penyertaan rakyatnya. Ini bermaksud setiap anggota masyarakat mesti bersama-sama berusaha mewujudkan suasana yang dapat membantu wujudnya kesatuan yang ingin dicapai. Proses keempat ialah pengagihan nilai-nilai masyarakat yang bertoleransi, saling membantu dan persefahaman banyak meningkatkan tahap integrasi antara kaum. Pada peringkat ini sekiranya persefahaman dapat dicapai ia akan menjadi kemuncak pembinaan

negara-bangsa. Ia bermula dengan penggunaan satu bahasa iaitu bahasa yang selaras antara penduduk sesebuah negara. Bagi mencapai empat proses yang telah dinyatakan oleh Hague & Harrop (1992), tanpa bahasa, ia dapat membentuk prasangka apabila sesuatu etnik tidak memahami sesuatu bahasa etnik dalam sesebuah negara.

Doktrinisasi negara dalam proses pembinaan negara-bangsa ialah idea nasionalisme negara yang mendahului aktiviti pembinaan bangsa sebagai alat untuk menyatukan rakyat dengan mewujudkan sentimen kepunyaan identiti bersama. Sentimen nasionalis perlu dipupuk dalam sistem politik dan dihayati dalam sistem personaliti rakyat. Satu program kesedaran tentang sosialisasi politik diperlukan untuk menyuburkan budaya sivik yang baharu. Dalam hal ini seperti yang diujahkan oleh Mohamed Mustafa Ishak (2014) ia berkaitan bendera, lagu kebangsaan, bahasa dan pakaian seragam digunakan untuk tujuan tersebut. Untuk memastikan doktrinisasi negara dapat dilakukan, Salah satu manifestasi ialah penyebaran pendidikan yang seragam dalam bahasa vernakular. Proses peleburan budaya harus mengambil kira elemen utama dalam pembinaan negara misalnya bahasa. Bahasa Malaysia merupakan elemen utama yang menjadi jambatan kepada etnik-etnik di Malaysia. Perkembangan sedemikian menyediakan keadaan yang kondusif untuk penyebaran bahasa dan budaya kebangsaan yang dominan agar anggota beberapa masyarakat yang pada suatu masa dahulu berbeza, secara beransur bergabung dalam bangsa secara keseluruhan. Pembangunan satu bahasa yang sama merupakan langkah pertama ke arah menggalakkan persefahaman dalam kalangan etnik yang berlainan. Paling penting, sesuatu bangsa memerlukan satu bahasa yang sama untuk digelar bangsa (Mohamed Mustafa Ishak 2014).

Wacana Pembinaan Bangsa Malaysia

Sarjana yang membincangkan soal pembinaan negara adalah seperti Shamsul Amri Baharuddin (1992). Beliau telah memulakan persoalan tentang pembentukan negara yang banyak bangsa. Kepelbagaian bangsa ini memberi keperluan untuk membentuk negara. Dalam mencari tentang identiti politik (1995), Bangsa Malaysia perlu dijelmakan bagi membentuk kesepaduan sosial. Kemudian, beliau merumuskan tentang “bangsa idaman” (1996a) konteks di Malaysia. Bangsa idaman yang dibincangkan adalah tentang bagaimana bangsa perlu dibentuk dalam realiti sosial seharian. Tambahnya lagi, persaingan dalam politik dan ideologi menyukarkan bangsa idaman yang dikehendaki. Bangsa idaman boleh menjadi transformasi yang radikal diberikan ke atas bangsa dan sebagai sesuatu pengasingan atau pemilik sesetengah kumpulan. Dengan jelas, bangsa idaman menimbulkan perdebatan khusus tentang identiti di Malaysia (1996b). Shamsul membincangkan tentang identiti Malaysia, isu bahasa salah satunya bagi mengelakkan konflik sosial (2000, 2011, 2012).

Pembinaan bangsa Malaysia menurut Ghazali Shafie (1995) perlulah menekankan kepada Rukun Negara. Tanpa Rukun Negara, masyarakat akan sentiasa membezakan dirinya dengan pelbagai gelaran etnik yang tertanam dalam diri seseorang. Dengan demikian, ia akan melahirkan fahaman tanpa penghujung mengenai konsep negara-bangsa. Ghazali menyarankan agar penggunaan peruntukan undang-undang untuk melaksanakannya. Hujahan Ghazali ini nampak benar kerana istilah seperti bangsa, kerakyatan dan warga menjadi topik perdebatan dalam kalangan pemerintah dan juga akademik di dalam Malaysia. Sensitiviti bangsa perlu jelas sebelum sesebuah bangsa dan negara ditubuhkan. Integrasi ditekankan kepada sesama warga Malaysia bukannya bangsa kerana istilah bangsa terlalu polemik sehingga sukar mendapat titik persamaan.

Seperjuangan tentang membahaskan pembinaan bangsa Malaysia, Abdul Rahman Embong telah mula membincangkannya pada tahun 1995. Pada tahun 2000, bagi merumuskan nasionalisme Malaysia, persoalan budaya dan bahasa harus dititikberatkan. Ini

kerana, Bahasa Melayu harus berfungsi sebagai penyalur kebudayaan kebangsaan Malaysia moden bagi mencerminkan jiwa bangsa Malaysia. Nilai bangsa Malaysia perlu ditonjolkan bagi melahirkan wadah kesejahteraan. Nilai-nilai bangsa diperoleh melalui pendidikan yang selaras dan seragam. Pertembungan nilai yang berbeza menyebabkan persoalan budaya menjadi beban kepada warga Malaysia.

Pembangunan Bangsa Malaysia meliputi tiga tahap seperti yang dijelaskan oleh Jayum A. Jawan (2006). Tahap pertama iaitu pembangunan infrastruktur yang meliputi pembinaan persekitaran yang kondusif termasuk ekonomi, politik dan sosial. Kedua ialah fizikal/ interaksi bersemuka dalam kejayaan polisi kerajaan membawa kepelbagaian etnik untuk terlibat dengan rancangan kerajaan melalui medium satu bahasa yang selaras dan difahami. Kesemua etnik di pelbagai tempat dan institusi dilibatkan secara menyeluruh dalam program-program kesepaduan. Tahap ketiga adalah kemunculan bangsa Malaysia. Dengan tema kesepaduan dan integrasi nasional akan membolehkan rakyat menerima integrasi dalam kehidupan seharian. Tahap kedua berperanan penting menuju ke tahap ketiga dengan mudah tanpa perlu pertikaian konflik.

Mohamed Mustafa Ishak (2014) menjelaskan bahawa terdapat dua faktor utama yang menghalangi usaha pembinaan bangsa daripada menjangkau kerangka pengurusan konflik dan keharmonian etnik di Malaysia. Pertamanya, sifat majmuk masyarakat Malaysia, yang bercirikan semangat keetnikan dan nasionalisme yang sangat saling mempengaruhi, sehingga ada masanya boleh berpecah belah. Keetnikan telah terangkum dalam sistem politik di Malaysia, malah sebelum kemerdekaan lagi dan terus dikekalkan sebegitu dalam tahun-tahun selepas kemerdekaan. Keduanya, meskipun hegemoni Melayu merupakan elemen penting dalam tatanegara, namun kerajaan yang memerintah ditadbir berasaskan prinsip permuafakatan. Oleh yang demikian, dasar asimilasi tidak dapat dilaksanakan kerana ia pasti tidak akan mendapat sokongan wakil bukan Melayu dalam parti yang memerintah, yang tanggungjawab utamanya adalah untuk melindungi dan menjamin kepentingan masyarakat mereka.

Asal Usul Bahasa Bawean

Sebelum menjelaskan tentang asal usul bahasa Bawean, penulisan ini akan menjelaskan tentang etnik Bawean bagi mengetahui susur galur bahasa Bawean. Perkataan “Bawean” merupakan penjelmaan dari kata “pawean” yang berasal dari perkataan pawiwahan iaitu bahasa kawi yang bererti perjumpaan. Dari segi sejarahnya, Bawean merupakan pulau pertemuan pelbagai etnik dan budaya dari pelbagai kawasan sehingga membentuk budaya Bawean. Bawean pernah menjadi pusat transit kapal-kapal besar yang membawa barang-barang dagang dan orang. Dalam konteks sejarah Islam di Indonesia, Bawean selalu menjadi identiti abadi pahit maung sejarah agama Islam di pulau ini. Pulau ini menjadi laluan perdagangan yang menghubungkan Indonesia dengan negara lain seperti China, Kemboja, India, Arab dan lain-lain. Pulau Bawean hanya menjadi pusat penyebaran Islam sahaja dalam sejarah Bawean dan tidak menjadi pusat pentadbiran walaupun menerima persinggahan kapal-kapal besar dan orang asing (Dhiyauddin Qushwandhi 2008).

Pulau Bawean dikatakan dihuni oleh penduduk yang berasal dari Madura tetapi proses kehadiran penduduk Madura tidak diketahui. Sebelum tahun 1743, Pulau Bawean ini di bawah kekuasaan Madura iaitu raja dari Bangkalan. Selepas pemerintahan Belanda dan Inggeris, Pulau Bawean digabungkan dengan pentadbiran Gresik di bawah seorang residen. Pada tahun 1920 hingga 1965 pentadbiran di bawah kewedanaan. Sejak tahun 1965, pulau ini telah diperintah oleh dua camat di bawah kepimpinan Bupati Surabaya (Vredendregt J. 1990). Bahasa Madura adalah bahasa yang banyak persamaannya dengan dialek Bawean yang

dipakai oleh generasi yang lebih tua. Bagaimanapun, kebudayaan baharu telah terbentuk yang memisahkan kebudayaan Madura kerana kebudayaan Bawean telah mempengaruhi segenap kehidupan penduduknya sehingga ke hari ini.

Di Bawean Utara, kebanyakan penghuni di Desa Diponggo berasal dari Pulau Jawa. Bahasa Jawa digunakan sehingga sekarang walaupun telah terdapat banyak perubahan. Pulau Bawean juga dihuni oleh penduduk dari Palembang yang dikenali sebagai “Orang Kemas” disebabkan aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh mereka (Vredendregt J. 1990). Selain itu, nelayan Bugis juga mendiami Pulau Bawean untuk mencari hasil laut. Penduduk dari Sulawesi Selatan dan Pulau Jawa juga turut mendiami Pulau Bawean. Orang Bawean di Singapura sering mengambil anak Cina sebagai anak angkatnya dengan membawa mereka tinggal di pulau sehingga anak Cina ini berbaur dengan penduduk Bawean. Di Bawean, tidak terdapat orang Cina yang mempertahankan identiti budayanya (Vredendregt J. 1990). Islamisasi di Bawean telah membentuk sosio-budaya orang Bawean dan sangat kuat dikaitkan dengan orang Bawean sejak dahulu. Kejayaan menyebarkan agama Islam ini menjadikan hampir seluruh penduduk pulau ini menganuti agama Islam. Di antara yang singgah di pulau ini untuk menyebarkan agama Islam adalah para wali iaitu para wali Songo.

Persinggahan para wali ini adalah meletakkan Islam sebenar dalam kalangan penduduk di Bawean. Selain itu, tokoh penyebaran Islam yang besar namanya dan satu-satunya wali perempuan juga menetap di Bawean untuk tugas dakwah iaitu Waliyah Zainab (Dhiyauddin Qushwandhi 2008). Ajaran Islam yang disebarkan kepada penduduk adalah secara warisan kerana tokoh-tokoh agama di Bawean merupakan sanak-saudara para Wali yang menguasai ajaran Islam di Pulau Jawa. Bahasa yang digunakan oleh pendakwah adalah bahasa Madura. Bagaimanapun, bahasa bukan menjadi penghalang untuk penyebaran Islam. Bahasa pengantar yang digunakan oleh pendakwah yang datang ke Bawean adalah Bahasa Madura. Bahasa ini sangat mempengaruhi bahasa masyarakat Bawean sehingga terjadi percampuran bahasa yang berkembang sehingga ke hari ini. Bahasa Madura mengalami proses percampuran sehingga menyebabkan wujudnya Bahasa Bawean yang digunakan sehingga ke hari ini. Bahasa Bawean dan bahasa Madura tidak banyak berbeza dari segi sebutan dan makna (Zulfa Usman 1992).

Meskipun bahasa Bawean tidak banyak berbeza, orang Bawean sukar menerima fakta tersebut disebabkan stigma ke atas orang Madura. Stigma orang Bawean ke atas orang Madura ialah orang Madura yang kasar (Mohamad Fauzi Sukimi, 2010) berbanding orang Bawean yang lebih sopan santun dalam tutur kata. Dalam mempelajari bahasa Bawean, terdapat dua jenis institusi pendidikan yang memainkan peranan penting dalam kehidupan kanak-kanak Bawean yang dikenali sebagai sekolah dasar dan madrasah. Madrasah adalah bentuk pendidikan tradisional yang dijalankan secara tidak formal. Sekolah dasar adalah sekolah yang wajib bagi kanak-kanak Bawean. Bagaimanapun, penduduk Bawean lebih mementingkan penghantaran anak ke madrasah untuk mempelajari agama berbanding sekolah dasar. Bahasa utama dalam pendidikan agama adalah bahasa Bawean (Vredendregt J. 1990).

Dalam sejarah Bawean, bahasa Jawa Kuno menjadi peristiwa penting kerana terbentuknya peradaban sebelum kemunculan kerajaan Majapahit. Lahirnya peradaban di Pulau Bawean dalam bentuk pengenalan huruf-huruf honocoroko berikutan ajaran Buddha yang diamalkan oleh Raja Aji Soko (Dhiyauddin Qushwandhi 2008). Bukti sejarah ini dapat dilihat di Desa Lebak, Sangkapura. Kepingan batu bertulisan honocoroko boleh dilihat dalam bentuk batu berukir. Honocoroko merupakan tulisan yang tergolong kuno hasil modifikasi dari huruf-huruf sanskrit. Tulisan ini hampir sama dengan huruf di kawasan sekitar Asia terutama Thailand, Myanmar dan juga India. Raja Aji Soko juga memainkan peranan penting dalam sejarah Pulau Bawean dalam lipatan sejarah Bahasa di Pulau Bawean.

Sepanjang tempoh kerajaan Majapahit dalam abad ke 13-16, peradaban dan kebudayaan orang-orang Bawean adalah peradaban dan kebudayaan Jawa-Kuno (Dhiyauddin Qushwandhi 2008). Begitu juga bahasa ibunda orang Bawean adalah bahasa Jawa-Kuno. Walaupun terdapat evolusi dalam bahasa Jawa-Kuno kerana adanya pelbagai etnik bukan Jawa, secara umumnya bahasa Jawa-Kuno merupakan bahasa orang Bawean sebelum wujudnya bahasa Bawean dengan pengaruh bahasa Madura. Bahasa ini sangat mempengaruhi bahasa masyarakat Bawean sehingga terjadi percampuran bahasa yang berkembang sehingga ke hari ini (Zulfa Usman 1992).

Menurut laman web Bahasa Bawean.com., Bahasa Bawean telah mengalami perubahan akibat kepelbagaian etnik di Pulau Bawean sehingga terbentuk pecahan bahasa. Pada setiap desa, terdapat beberapa ciri khas bahasa. Walaupun terdapat banyak persamaan dengan bahasa Madura khususnya di kawasan Kangean dan Sumenep, terdapat perbezaan dalam bentuk sebutan oleh penuturnya. Perbezaan ini dipengaruhi oleh unsur penambahan kata penghubung awalan dan kata penghubung akhiran dengan bunyi kedaerahan. Dalam Bahasa Bawean, terdapat beberapa imbuhan di awal dan di akhir kata seperti Bahasa Indonesia atau Bahasa Melayu seperti me-, di- dan -kan. Imbuhan dalam Bahasa Bawean seperti berikut :

i) Na

imbuhan “na” digunakan pada hujung perkataan menggantikan imbuhan “nya”.

Contoh:

a) dalam Bahasa Indonesia : Siapa namamu ?

b) dalam Bahasa Bawean : sera nyamana ghinto ?

c) atau yang lebih halus lagi : senten nyamana ghinto ?

nyamana berasal dari kata dasar = nyama (nama), imbuhan “na”, seperti contoh:

nyamana = namanya

ropana = berasal dari kata dasar rupa (rupa)+ na menjadi ropana = rupanya

andikna = berasal dari kata andik (milik) + na = andikna = miliknya

nyamanna = berasal dari kata nyaman (enak) + na = nyamanna = enaknya

Migrasi Orang Bawean Ke Malaysia

Di Malaysia, orang Bawean lebih dikenali dengan ejaan Boyan. Orang Bawean dikatakan berhijrah ke Malaya atau Tanah Melayu secara bebas tanpa halangan dan perjanjian mana-mana pihak (Saibi Ibrahim 1977). Sukar bagi menentukan tarikh yang tepat kedatangan orang-orang Bawean ke Malaysia khususnya ke Melaka kerana tidak ada bukti dan catatan sejarah mengenai kedatangan mereka (Zainal Abidin Borhan 1982). Pendapat pertama yang menyatakan bahawa ada orang Bawean yang bernama Tok Ayar telah datang ke Melaka pada 1819 seperti mana temu bual yang dilakukan oleh Zainal Abidin Borhan (1982). Yang pasti, orang Bawean telah datang ke Tanah Melayu sebelum tahun 1800 lagi dan sebelum 1897 kerana pondok Bawean di Kampung Kuli di Melaka adalah yang pertama di bina di Tanah Melayu ketika itu. Orang Bawean yang tinggal di Kampung kuli bekerja sebagai buruh di

pelabuhan dengan mengangkat barang seperti beras. Orang Bawean yang kerja di pelabuhan dikatakan orang yang berbadan besar dan mempunyai tenaga luar biasa.

Namun terdapat kajian mengandaikan bahawa tahun 1850 sudah ada orang-orang Bawean datang ke Tanah Melayu. Dari Singapura, mereka mula merantau ke tempat lain seperti di Johor Bahru, Kuala Lumpur, Melaka dan Pulau Pinang. Zainal Abidin Borhan (1982) menyokong lagi kajiannya dengan menyatakan pendapat Abdullah Baginda yang mengatakan orang Bawean menetap di Penang dan Melaka. Pendapat yang kedua mengatakan bahawa orang Bawean sudah berada di Malaya pada tahun 1824, kira-kira sewaktu penjajahan Inggeris di Melaka. Pendapat yang ketiga mengatakan orang Bawean sudah ada di Melaka sebelum tahun 1900. Selain di Melaka, orang Bawean juga tersebar di Lembah Klang, seperti di kawasan Ampang, Gombak, Balakong dan juga Shah Alam.

Sebahagian kecil mereka membuka ladang kebun-kebun kecil getah. Sebanyak 76 peratus, orang Bawean di Kuala Lumpur pada tahun 1911 dan meningkat kepada 91 peratus pada tahun 1931. Manakala lebih 95 peratus orang Bawean di dapati di Johor Bahru, Kota Tinggi, Muar dan Batu Pahat pada tahun 1931 (Saibi Ibrahim 1977). Di Pulau Pinang terdapat sekurang-kurangnya dua keluarga besar orang Bawean. Di Kuala Lumpur khususnya, orang Bawean membentuk satu masyarakat yang terasing. Orang Bawean di Malaysia juga boleh dikenali dengan melihat dari asal kedatangan. Orang Laok dan Deje yang berada di Malaysia mempunyai kecenderungan yang berbeza dalam aktiviti pekerjaan yang dilakukan. Orang Bawean Laok cenderung bekerja sebagai (syce) pemandu kereta kuda manakala orang Bawean Deje pula didapati bekerja sebagai pemandu kereta bermotor.

Dalam kalangan kelompok-kelompok etnik Indonesia yang lebih kecil, kelompok-etnik Boyan mempunyai organisasi yang agak tersusun bagi menghadapi masalah-masalah yang timbul akibat daripada penghijrahan ke tempat yang baharu (Mohd Aris Hj Othman 1986). Seperti yang telah ditekankan dahulu, sebilangan besar daripada orang-orang Boyan yang berhijrah ke Tanah Melayu bertumpu ke kawasan-kawasan bandar di mana terdapat banyak cabaran baik dari segi peluang-peluang pekerjaan, tempat kediaman dan masalah-masalah kebajikan terutama kepada penghijrah-penghijrah yang baharu sampai ke bandar.

METODOLOGI KAJIAN

Sesuai dengan permasalahan dan tujuan kajian, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kualitatif. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah penyelidikan fenomenologi. Penyelidikan fenomenologi merupakan penyelidikan yang cuba menjelaskan makna konsep atau pengalaman yang dialami oleh subjek kajian. Bahasa yang digunakan dalam penyelidikan kualitatif adalah personal, informal dan berdasarkan definisi dan tema yang timbul semasa kajian dijalankan. Maklumat diterima akan digabungkan dengan sumber-sumber maklumat yang berbeza (Othman Lebar 2009). Kaedah mengumpul maklumat melalui pemerhatian, temu bual dan dokumen berkaitan identiti masyarakat Bawean dikumpul untuk memastikan menjawab tujuan kajian. Seramai tujuh orang informan ditemubual secara mendalam. Pada kenyataannya, sesuai dengan pendekatan kualitatif yang bersifat holistik, proses temu bual secara berterusan berlangsung sehingga segala data dapat dikumpulkan. Sesuai dengan tujuan kajian, kajian ini akan dijalankan di sebuah penempatan orang Bawean yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan tinjauan awal, diperolehi maklumat bahawa terdapat beberapa penempatan orang Bawean di sekitar Johor Bahru. yang mempunyai populasi yang besar. Penempatan tersebut ialah di Kampung Bakar Batu dan Kampung Sungai Tiram. Hal ini tidak mengejutkan kerana memang ramai orang Bawean yang berhijrah ke Malaysia untuk mencari pekerjaan sebagai buruh terutama dalam sektor

pembinaan. Kini, penempatan khusus orang Bawean telah wujud sepertimana penempatan sub etnik yang lain. Mereka juga kebanyakannya mendapat taraf penduduk tetap. Pengkaji telah memilih satu penempatan orang Bawean yang terletak di Kampung Sungai Tiram, Ulu Tiram, Johor.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

i) Penggunaan bahasa Bawean dalam kehidupan seharian

Sudah diketahui umum, bahasa merupakan tempat pelbagai nilai kebudayaan yang memisahkan antara etnik dengan etnik yang lain. Adalah sangat penting untuk memiliki satu bahasa yang terbuka bagi semua kelompok etnik dalam sesebuah negara supaya dapat berfungsi sebagai jambatan untuk berkomunikasi. Oleh sebab orang Bawean mempunyai bahasanya tersendiri, bahasa digunakan apabila berhubung dengan etniknya sendiri. Tidak hairanlah dalam kajian-kajian, Roksana Bibi Abdullah (2006), Saibi Ibrahim (1977), Vredendregt J (1990), Zainal Abidin Borhan (1982) menyatakan bahawa mereka akan mencari etnik mereka iaitu kawasan pondok apabila merantau supaya mudah berkomunikasi dan menjalankan kebudayaan mereka. Orang Bawean jarang menggunakan bahasa lain ketika berinteraksi dengan orang bukan Bawean. Orang Bawean mementingkan bahasanya apabila berinteraksi namun, jika berhadapan dengan etnik lain, bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu. Apa yang jelas dalam identiti orang Bawean adalah mereka tidak akan menggunakan bahasa lapisan keduanya iaitu bahasa Jawa. Memandangkan Pulau Bawean dalam wilayah Jawa, orang Bawean yang sudah menetap di Malaysia setelah sekian lama juga tidak menggunakan bahasa Jawa sebagai medium untuk berinteraksi dengan orang Jawa. Ini dapat dihuraikan oleh penulis apabila melontarkan soalan berkaitan penggunaan bahasa dengan sub etnik lain dan etnik lain. Informan yang dikenali sebagai En Esa, En. Mahfuz dan En Saad menyatakan seperti berikut:

“Pakcik akan cakap Melayu kalau jumpa dengan orang Melayu yang lain. Dengan orang Jawa pun pakcik akan cakap Melayu walaupun boleh cakap Jawa.. Orang Bawean pun asli tanah Jawa.... Kalau dengan Cina.. macam pakcik punya bos tu.. kita cakap Melayu gaya Cina cakap la.. Tak kan nak cakap Bawean, kalau pakcik marah, pakcik cakap Bawean, mana mereka faham..

En Esa, 57 Tahun

“Orang Bawean memang orang Jawa tapi bila jumpa orang Jawa, saya cakap Melayu... bukan cakap Jawa.. Bukan malu nak cakap Jawa tapi lagi senang cakap Melayu sebab mereka pun cakap Melayu dengan kita juga.” Kalau orang bukan Jawa pun kita cakap Melayu juga.. Bawean sama-sama kita je.. kadang-kadang campur Melayu juga.. Dengan orang India ke Cina ke, memang cakap Melayu jelah ”.

En Mahfuz, 53 Tahun

Pakcik jumpa orang Jawa ke Minang ke Banjar, pakcik memang akan cakap Melayu. Lagi mudah nak faham sebab kawan-kawan kerja cakap Melayu. Cakap Jawa tu sikit-sikit, bukan selalu. Pakcik lagi senang nak cakap Melayu. Kalau bangsa lain tu pun pakcik cakap Melayu.. Ada belajar bahasa Cina sikit-sikit tapi tak guna pun. Cakap Jawa bila orang cakap Jawa dengan pakcik tapi jarang lah.. Kita kerja pun bukan selalu jumpa orang Jawa je.. lain-lain bangsa.”

En Saad, 55 Tahun

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa generasi kedua dan ketiga juga menggunakan bahasa Melayu sebagai medium berinteraksi dengan sub etnik seperti Jawa walaupun mereka dalam lingkungan umur 35-45 tahun iaitu memiliki kad pengenalan penduduk tetap. Melaksanakan budaya Jawa tidak semestinya menjadikan dirinya dipengaruhi oleh ciri-ciri orang Jawa termasuk menggunakan bahasa Jawa. Informan bernama Musliadi menjelaskan seperti berikut:

“Kahwin dulu memang kita ikut adat Jawa macam pakaian sanding. Sebab Bawean asal usul dalam Pulau Jawa. Ada pengaruh Jawa. Saya boleh cakap Jawa juga tapi tak cakap pun Jawa dengan orang Jawa. Sebab saya suka guna bahasa Melayu. Saya cakap Jawa tu kadang-kadang saje dengan orang Jawa sebab mereka kenal saya sebagai orang Bawean bukan orang Jawa”.

Musliadi, 41 Tahun

Berdasarkan temu bual bersama informan, boleh dikatakan bahawa orang Bawean mempunyai lapisan identiti mereka apabila berhadapan dengan masyarakat sekitarnya. Ini dapat dijelaskan berdasarkan konsep analogi bawang dalam teori penembusan sosial oleh Altman & Taylor. (1973). Altman dan Taylor menjelaskan bahawa individu mempunyai personaliti seperti bawang yang wujud dalam pelbagai lapisan. Seperti contoh di luar dan dalam diri iaitu lapisan permukaan seperti ketinggian, berat badan dan jantina dan lapisan teras seperti nilai, konsep sendiri dan emosi yang mendalam. Analogi bawang ini turut digunakan bila seseorang itu berhadapan dengan orang di luar kumpulan sosialnya bagi menjelaskan identiti diri atau kumpulan. Bahasa paling dominan digunakan bagi menunjukkan kewujudan identiti yang berlapis-lapis. Walaupun orang Bawean boleh bercakap bahasa Jawa, namun bahasa Jawa tidak digunakan apabila berhadapan dengan etnik Kepulauan Jawa.

ii) *Penggunaan Bahasa Bawean dalam kalangan masyarakat antara generasi*

Teras identiti sesebuah kumpulan etnik adalah bahasa (Smith A. D 1991). Pengenalan kepada identiti dapat diketahui berdasarkan bahasa. Dalam membentuk negara, bahasa juga adalah asas selain budaya, sejarah dan mitos. Generasi muda sebagai tunggak utama untuk kelangsungan bahasa sesebuah bangsa. Generasi muda juga memainkan peranan untuk memberikan idea dan pemikiran menjadi perkara penting dalam falsafah bahasa. Kecintaan generasi terhadap bahasa direalisasikan berdasarkan penggunaan bahasa sepanjang masa tanpa mengira latar tempat. Ini dapat ditinjau berdasarkan penempatan sesebuah kawasan kediaman. Persekitaran berbeza menjadi elemen kedua untuk menerus kelangsungan bahasa. Penggunaan bahasa rojak juga ancaman kepada bangsa yang ditakuti oleh generasi lama.

Sesuatu bahasa akan semakin bermaruah kerana semakin tinggi kesetiaan penutur terhadapnya. Dapat difahami bahawa penutur yang setia terhadap bahasa akan menjaga dan mempertahankan bahasanya tidak kira generasi. Ke kerapannya menggunakan bahasa identiti etnik atau bangsa menunjukkan jati diri yang kuat atas kecintaan kepada bangsa dan negara. Selari dengan kesetiaan berbahasa, penulis telah mengajukan soalan kekerapan berbahasa di antara generasi berdasarkan hubungan kekeluargaan seperti nenek, ayah, saudara mara dan rakan. Beberapa maklumat berdasarkan soalan yang diajukan adalah seperti berikut:

“Saya dengan orang-orang Bawean macam nenek, saudara mara akan cakap Bawean dengan campur cakap Melayu. Banyak cakap Bawean berbanding cakap Melayu. Cakap Melayu pun dengan orang bukan Bawean. Kadang kawan Bawean perli kalau kita cakap Melayu dengan dia. Dari kecil memang cakap Bawean”.

Cik Yani, 24 Tahun

“Selalunya saya akan cakap Bawean dengan keluarga saya dekat kampung ni. Sebab memang mak ayah pun cakap Bawean dengan saya. Campur-campur. Tapi dengan nenek cakap Bawean sebab nenek tak faham sangat cakap Melayu. Nenek baru je tinggal kat sini (Malaysia). Dengan kawan-kawan pun campur-campur cakap Bawean dengan Melayu”.

Cik Nur Jamilah, 31 Tahun

“Dalam kampung ni bahasa Bawean paling banyak. Kalau dengan jiran-jiran sini, kita cakap Bawean. Majlis-majlis kenduri kat sini pun cakap Bawean. Budak-budak kecil pun banyak cakap Bawean juga. Cakap Melayu bila dengan orang bukan Bawean macam kat luar kampung. Bahasa Bawean ni memang kerap guna.. tak kira generasi lah kalau saya perhati”.

En Mutimin. 30 tahun

Gambaran awal mengenai penggunaan bahasa dalam kalangan orang Bawean di Johor Bahru mendapati penuturnya tidak berasa malu untuk menggunakan bahasa ibunda semasa berinteraksi dengan kumpulan etnik yang sama. Bahasa Bawean adalah menjadi keutamaan sebagai medium pengantara. Penggunaan bahasa Bawean tidak terjejas antara generasi kerana diberi keutamaan sewaktu berkomunikasi. Hal ini agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Roksana Bibi (2006). Arus globalisasi serta kemajuan di sesebuah negara menjadi elemen penting dalam penggunaan bahasa kerana individu akan cuba memasuki bahasa kelas sosial seperti Bahasa Inggeris untuk menonjolkan diri sebagai individu yang moden.

Kajian Roksana Bibi (2006) terhadap orang Bawean yang merantau ke Singapura misalnya, penggunaan bahasa Bawean mendapati sangat kuat bagi generasi pertama (G1). Ini terbukti apabila kajiannya mendapati kesemua 36 orang responden dari kelompok G1 masih mampu menggunakan dan memahami bahasa Bawean. Penggunaan bahasa Bawean hanya digunakan kepada pasangan dari kaum yang sama sahaja. Roksana Bibi telah menjelaskan bahawa bahasa Bawean tidak banyak digunakan di Singapura walaupun sesama mereka. Hal ini kerana terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa tersebut iaitu disebabkan kawasan perumahan dan kahwin campur. Identiti bahasa Bawean dari segi bahasa dapat diperhatikan dalam kalangan etnik mereka yang berumur 33 hingga 80 tahun. Bagi Vredendregt, J (1990) pula, penggunaan bahasa Bawean di tempat orang berlaku dalam peringkat perantau pertama sahaja iaitu generasi pertama. Penggunaan bahasa Bawean generasi pertama dengan generasi ketiga tidak lagi digunakan sepenuhnya. Bagaimanapun, generasi ketiga masih memahami walaupun dijawab dengan bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Seperti yang dibincangkan, terdapat pelbagai faktor menyumbang kepada identiti etnik iaitu amalan sosiobudaya, tradisi, bahasa dan agama. Dalam sekian banyak faktor itu, bahasa merupakan karakter relevan dalam pembentukan identiti. Bahasa adalah penentu yang kuat ke atas identiti di peringkat negara mahupun etnik (SK. Gill 2014). Asas identiti etnik adalah bahasa. Bahasa menentukan budaya dan juga sebaliknya. Dalam hubungan dengan pembinaan Negara-bangsa, bahasa adalah perkara penting. Sekiranya seluruh etnik menggunakan satu bahasa, maka akan lahir sebuah bangsa. Walaupun pelbagai etnik, tidak mustahil bahasa utama dapat direalisasikan. Negara perlu mengambil keperluan untuk integrasi penduduk heterogen seterusnya menyarankan agar penduduk berasimilasi dengan kepelbagaian etnik yang sedia ada melalui bahasa yang seragam. Dalam membina bangsa Malaysia, etnik Bawean dapat dikatakan mampu menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang dominan kerana telah berakulturasi dengan budaya Melayu secara berperingkat-peringkat. Kecenderungan penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan orang Bawean

menunjukkan kecenderungan yang positif untuk proses pembinaan negara-bangsa. Bahasa Bawean digunakan secara terhad dalam persekitaran etnik dapat membantu orang Bawean untuk turut bersama negara ke arah merealisasikan satu bahasa yang seragam di peringkat nasional.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong., (2000). Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan. Edisi Pertama. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.
- Altman Irwin and Taylor Dalmás., (1973). Social Penetration: The development of interpersonal relationships. New York.
- Fathan Al Irsad. Sketsa Bawean., (2008). Yayasan Amal Ilmu Gresik. PT Gramedia. Jakarta.
- Ghazali Shafie., (1995). Rumpun Melayu dan Bangsa Malaysia Menjelang Tahun 2020. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor. Malaysia.
- Gill. S.K. 2014. Language, Nation-Building and Identity Formation in a Multi-Ethnic Society. Springer. <http://www.springer.com/gp/book/9789400779655>. Tarikh capaian: 3 November 2016.
- Hague, R. & Harrop, M., (1992) Comparative Government and Politics: An Introduction. Third edition (ed.). Basingstoke, New York: Palgrave Macmillan.
- Jayum A. Jawan., (2006). The Development of a Bangsa Malaysia. In. Inter-Ethnic Relation in Malaysia. Selected Readings. (edts) Jayum A. Jawan & Zaid Ahmad. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Sedang. Selangor. Malaysia.
- Joseph John E., (2004). Language and Identity: National, Ethnic, Religious. Palgrave Macmillan. New York.
- KH. Dr. M. Dhiyauddin Qushwandhi., (2008). Waliyah Zainab: Puteri Pewaris Syeikh Siti Jenar. Sejarah Agama dan Peradaban Islam di Pulau Bawean. Penyusun: Abdullatif Hasbullah & Ali Masduqi Afgan. Yayasan Waliyah Zainab Diponggo. Bawean. Gresik. Jawa Timur.
- Mohamad Fauzi Sukimi., (2010). Migrasi Dan Pembentukan Identiti Majmuk: Orang Madura Di Kampung Teras Jernang, Selangor. Tesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Mustafa Ishak., (2014). Politik Bangsa Malaysia: Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik. Institut terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.
- Roksana Bibi Abdullah., (2006). Pengalihan bahasa di kalangan masyarakat Bawean di Singapura: Sebab dan akibat. Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Singapura, 14-16 Julai. https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/15651/1/PABSB-2006-285_a.pdf. Tarikh capaian: 25 Jun 2015.
- Saibi Ibrahim (1977)., Orang Bawean di Malaya hingga 1940. Latihan ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Shamsul Amri Baharuddin., (1992). Malaysia in 2020, One state many nation?:observing Malaysia from Australia. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi: Department of Anthropology and Sociology.
- Shamsul Amri Baharuddin., (1996a). Nations-of-Intent in Malaysia. In. *Stein Tonnesson, Haus Antloev(eds.) Asian form of the Nation*. London: Corson and Nordic Institute of Asian Studies, pp. 323-347.
- Shamsul Amri Baharuddin., (2000). Pembentukan identiti: sebuah wacana. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.

- Shamsul Amri Baharuddin., (2010). *Unity in diversity: The Malaysian experience*. Siri kertas kajian etnik UKM. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.
- Shamsul Amri Baharuddin., (2011). *Kesepaduan dalam kepelbagaian: perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress*. Siri Syarahan Kepimpinan Profesor Ulung. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.
- Shamsul Amri Baharuddin., (2012). Modul hubungan Etnik. (ketua editor). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Selangor.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1995). In search of 'Bangsa Malaysia': Politics of Identity in Multi-Ethnic Malaysia. *Hitotshubashi Journal of Social Studies*. Vol 27. Special Issue. pp57-68.
- Shamsul Amri Baharuddin. (1996b). "Debating about identity in Malaysia: A discourse analysis", *Southeast Asian Studies* 34(3): 566-600.
- Vredendregt Jacob (1990). Bawean dan Islam. Seri INIS. Jilid VIII. Jakarta.
- Zainal Abidin Borhan., (1982). Masyarakat Bawean (Boyan) di Melaka. In: Khoo Kay Kim (ed) Melaka dan Sejarahnya. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka.
- Zulfa Usman., (1992). Kisah-Kisah Pulau Puteri (Pulau Bawean). Foundation Perwakilan Bawean.
- Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani., (2003). Pendidikan Negara-Bangsa. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Muhammad Ridhwan Sarifin,

Calon Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
ridhwankplw@gmail.com

Mohamad Fauzi Sukimi (PhD),

Pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
fauzi@ukm.edu.my

Azlina Abdullah (PhD),

Pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
azlina_ab@ukm.edu.my